

Mobiliti Sosial di Kalangan Generasi Kedua Felda Social Mobility Amongst the Second Generation of Felda

NOR AINI HAJI IDRIS

ABSTRAK

Pendidikan adalah asas kepada peningkatan kualiti hidup manusia dan juga faktor penting yang menentukan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Hubungan positif yang wujud antara tahap pendidikan dengan tingkat pendapatan boleh mewujudkan perbezaan pendapatan di kalangan pekerja. Hubungan tersebut juga boleh mempengaruhi darjah mobiliti sosial dan seterusnya boleh mewujudkan fenomena ketidaksamaan dalam agihan pendapatan dan kemiskinan. Walaupun dasar pendidikan sekolah rendah percuma telah diamalkan oleh kebanyakan negara membangun, namun tidak banyak kesannya terutama bagi golongan miskin. Ramai anak dari keluarga miskin yang tercicir pelajaran mereka pada peringkat rendah lagi. Dengan menggunakan hasil penemuuan kajian di Felda Daerah Jempol, Negeri Sembilan, artikel ini cuba menganalisis dua isu asas berkait dengan mobiliti sosial. Pertama, untuk melihat peranan pendidikan dari perspektif pembangunan manusia dan kedua, untuk menilai keberkesanannya peranan Felda dalam membaiki status sosioekonomi generasi pertama. Penulis berpendapat, usaha ke arah pengurangan kemiskinan melalui pendidikan adalah selari dengan konsep pembangunan manusia dan program Felda melalui aktiviti ekonomi telah berjaya mengubah taraf hidup generasi kedua berbanding dengan kehidupan ibu bapa mereka. Mobiliti sosial secara menegak yang berlaku melalui mekanisme pendidikan juga membuktikan kejayaan program pembangunan luar bandar yang telah dilaksanakan oleh pihak pemerintah.

ABSTRACT

Education is fundamental to enhancing the quality of human life and ensuring social and economic progress. The positive correlation between the level of education and the level of income can generate income differential among workers. The correlation also affects the degree of social mobility and subsequently contributes to the income inequality and poverty phenomenon. The existence of free primary education in many developing countries does not help much especially for poor families. Many children from poor families are more likely to drop out during the early years of schooling. Using the findings drawn from a study on the Felda Scheme in Daerah Jempol, Negeri Sembilan, in this article two basic issues on social mobility are analysed. First, is the role

of education within human development perspective and second, the effectiveness of the scheme in improving the socioeconomic status of the first generation. The writer is of the opinion that poverty reduction through education among the second generation is consistent with the concept of human development. Secondly, the Felda Scheme is successful in changing the status of the second generation to a better life compared to their parents. This vertical social mobility also reflects the success of the rural development program implemented by the government.

PENGENALAN

Paradigma pembangunan manusia atau insan cuba mewujudkan hubungan antara perkembangan pendapatan dengan perkembangan pilihan yang terdiri bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi merangkumi aspek-aspek pendidikan, kesihatan, suasana persekitaran yang bersih dan kebebasan politik. Pendekatan ini tidak menolak kepentingan pertumbuhan ekonomi kerana aspek ini penting ditekankan dalam konteks pembasmian kemiskinan. Justeru, pertumbuhan ekonomi dianggap sebagai sub-set kepada paradigma pembangunan manusia (Nor Aini 1999). Pelaburan dalam kesihatan, pendidikan dan kemahiran umpamanya boleh menggalakkan anggota masyarakat untuk turut serta dalam proses pertumbuhan ekonomi. Apa yang lebih penting ialah pertumbuhan ekonomi dapat diagihkan kepada anggota masyarakat melalui dasar awam. Rancangan pembukaan tanah adalah antara program yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan miskin.

Teori modenisasi yang dikemukakan oleh ahli ekonomi Barat cuba mencari penyelesaian kepada masalah kemiskinan melalui penerapan unsur-unsur pemodenan dalam sektor pertanian. Melalui Felda, telah lahir skim pertanian yang moden dan cekap yang berjaya mengubah taraf hidup peneroka. Kejayaan pertanian dicapai melalui kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas. Melalui cara ini golongan miskin dapat diperkasakan melalui ekonomi dan pemodenan sektor pertanian akan lebih mudah dilakukan apabila golongan miskin diberi saiz tanah yang mencukupi. Walaupun rancangan pembangunan tanah merupakan satu kaedah yang baik, namun satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah tidak semua golongan miskin dapat menyertai program ini kerana halangan dari segi jumlah tanah yang terhad dan kos penyelenggaraan yang tinggi.

Di negara ini rancangan pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan tanah Persekutuan atau Felda sejak 1956 adalah di antara strategi yang digubal ke arah membasmi kemiskinan di kalangan para petani. Saiz tanah yang kecil dan tidak ekonomi dikatakan antara faktor yang menyumbang kepada kemiskinan luar bandar negara ini. Agensi ini ditubuhkan bagi memajukan tanah untuk dijadikan kawasan pertanian yang produktif dan memaksimumkan

hasil yang bermutu di samping membangunkan petempatan penduduk yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan sosial yang lain.

Program ini ternyata membawa banyak manfaat kepada petani apabila sehingga 1999, lebih 100,000 keluarga telah berjaya ditempatkan di 509 buah tanah rancangan. Setiap peserta rancangan diberikan tanah seluas 4.1 hektar atau 10 ekar yang ditanam dengan tanaman komoditi, sementara seluas suku ekar disediakan untuk tapak kediaman. Program ini juga secara langsung dapat menyelesaikan tiga masalah tanah, iaitu kelaparan tanah, saiz tanah yang kecil dan pemecahan tanah. Kesan secara langsungnya ialah para peserta berpeluang membaiki taraf sosioekonomi keluarga mereka melalui aktiviti tanaman walaupun kadang kala pendapatan mereka terjejas akibat kejatuhan harga di pasaran. Apa yang lebih penting ialah anak-anak mereka berpeluang menerima pendidikan yang lebih baik dan wujud mobiliti sosial ke atas hasil pendidikan tersebut. Kejayaan anak-anak peneroka mencapai tahap pendidikan yang tinggi dan menceburi bidang pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang lumayan sudah banyak diperkatakan.

Pada hakikatnya generasi pertama sudah pun mengalami mobiliti sosial secara mendatar. Penghijrahan mereka ke kawasan rancangan Felda memberi peluang kepada peneroka untuk mengubah status kemiskinan keluarga. Berbeza dengan generasi kedua, mobiliti sosial mereka berlaku secara menegak dan mendatar. Didapati bagi mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi, peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik adalah lebih cerah apabila mereka berhijrah keluar. Namun, terdapat juga generasi kedua yang hanya mengalami mobiliti secara mendatar apabila mereka mencari peluang pendapatan di sekitar kawasan berdekatan dengan Felda. Fenomena ini banyak berlaku di kalangan mereka yang mempunyai pendidikan peringkat menengah sahaja.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, pendapatan yang lebih lumayan juga dapat dikehendaki oleh generasi kedua walaupun tahap pendidikan mereka rendah. Sebagai contoh, apabila mereka bekerja sebagai buruh binaan di negara Singapura. Keadaan ini boleh dianggap sebagai satu bentuk mobiliti sosial menegak kerana perubahan sikap golongan ini ke arah keadaan yang lebih baik. Mereka sanggup berusaha mencari peluang pendapatan yang lebih baik walaupun terpaksa bekerja di negara lain.

Objektif artikel ini adalah untuk membincang beberapa hasil penemuan kajian yang dilakukan di Felda Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Penulis cuba melihat sejauh manakah wujud mobiliti sosial secara menegak ke atas di kalangan anak-anak peneroka setelah ibu bapa mereka berjaya keluar daripada belenggu kemiskinan. Soalan yang cuba dijawab ialah adakah benar taraf pendidikan yang diterima oleh anak-anak mereka berjaya membentuk generasi kedua yang lebih mewah. Perbincangan artikel ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu pertama, melihat kajian lepas mengenai peranan pendidikan dalam membasmi kemiskinan; kedua, meninjau perkembangan Felda; ketiga membincangkan hasil penemuan kajian; dan bahagian akhir merupakan bahagian kesimpulan.

PENDIDIKAN DAN KEMISKINAN: KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan untuk melihat hubungan antara tingkat pendidikan dengan tahap sosioekonomi individu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tingkat pendidikan merupakan faktor penting yang menentukan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu. Mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi mempunyai lebih banyak pilihan pekerjaan berbanding dengan mereka yang berpendidikan rendah dan yang lebih penting pendapatan yang dinikmati juga lebih tinggi.

Betts (1998) cuba melihat kesan *standard* pendidikan ke atas tingkat pendapatan dan agihan. Mengikut beliau secara umumnya peningkatan dalam *standard* pendidikan akan meningkatkan upah golongan yang berjaya memenuhi *standard* tersebut manakala upah bagi mereka yang tidak mampu mencapai *standard* tersebut tidak akan berubah. Ini bermakna peningkatan dalam *standard* pendidikan akan meluaskan jurang ketaksamaan. Oleh itu, ahli perancang *egalitarian* selalunya cenderung menurunkan *standard* pendidikan dengan harapan boleh meningkatkan kadar mereka yang lulus. Namun, Betts cuba buktikan bahawa ahli perancangan *egalitarian* lebih suka menetapkan *standard* pendidikan yang tinggi. Dengan menggunakan model *hybrid human capital* atau model *signaling* beliau merumuskan jika sekiranya keupayaan pekerja adalah berbeza dan majikan tidak nampak perbezaan ini, peningkatan dalam *standard* pendidikan akan meningkatkan upah bukan sahaja pekerja yang berpelajaran tinggi, tetapi juga pekerja yang berpendidikan rendah. Keadaan ini berlaku kerana apabila *standard* pendidikan ditingkatkan, ia akan menambahkan jumlah pekerja yang tidak mampu memperolehi ijazah. Maka, firma terpaksa menerima kualiti pekerja ini secara purata dan akan meningkatkan tingkat upah.

Perbezaan pendapatan di kalangan ketua isi rumah wanita dan lelaki dikatakan berkait rapat dengan faktor pendidikan. Selain faktor-faktor diskriminasi dan kurang mobiliti pasaran buruh, tingkat pendidikan juga merupakan faktor yang menyumbang kepada fenomena ini. Kajian Sourushe (1999) umpamanya cuba mencari faktor-faktor yang menyebabkan berlaku perbezaan pendapatan di kalangan ketua isi rumah wanita di Amerika. Hasil kajian tersebut beliau mendapati ketidakseimbangan berlaku kerana faktor bangsa dan pendidikan. Ketua isi rumah wanita yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi telah menyumbang ke arah pengurangan keadaan ketidakseimbangan dalam jangka panjang bagi wanita kulit putih dan hitam walaupun ketidakseimbangan banyak berlaku di kalangan wanita kulit hitam.

Dalam melihat masalah ketidakseimbangan kaum di Malaysia, Hirschman (1976) cuba mengaitkan tahap pendidikan sebagai faktor yang menyumbang kepada keadaan ketidakseimbangan tersebut. Dengan menggunakan model asas pusingan hidup sosioekonomi, beliau telah merumuskan bahawa terdapat pencapaian sosioekonomi di kalangan lelaki Melayu adalah lebih rendah berbanding dengan lelaki bukan Melayu kerana majoriti lelaki Melayu yang

dikaji datang daripada keluarga miskin yang tinggal di luar bandar. Beliau mendapati, 72.0 peratus daripada sampel lelaki Melayu berasal daripada keluarga petani berbanding dengan peratus etnik India dan Cina yang angkanya masing-masing hanya 41.0 peratus dan 26.0 peratus. Justeru, beliau berpendapat faktor asal usul keluarga lelaki Melayu tersebut menyebabkan mereka menerima pendidikan yang kurang dan tidak mampu merebut peluang yang ada di bandar.

Mengikut Hirschman lagi, sekiranya masalah tersebut tidak wujud, beliau yakin 80.0 peratus jurang pendidikan antara kaum dapat dihapuskan. Berdasarkan pendekatan teori sosiologi yang digunakan, beliau telah merumuskan bahawa perbezaan peluang yang berlaku di kalangan kaum di Malaysia adalah disebabkan faktor-faktor pendapatan bapa dan tempat asal individu. Kedua-dua faktor ini mempengaruhi pencapaian pendidikan dan seterusnya pendapatan seseorang individu.

Penemuan kajian Hirschman ini selari dengan penemuan Lim (1971) dalam kajiannya yang lebih awal. Lim mendapati pendapatan purata adalah secara relativifnya rendah dalam aktiviti sektor pertanian dan wujud hubungan korelasi positif yang kuat antara pendapatan dengan pencapaian pendidikan individu.

Penemuan kajian di atas diperkuatkan lagi dengan penemuan kajian Tan (1982). Beliau mendapati jumlah pendapatan yang diterima oleh seseorang individu bergantung kepada usaha, kemahiran dan peluang yang wujud. Namun, fokus utama beliau adalah untuk mengenal pasti peluang-peluang yang tersedia yang menjadi penentu kepada pendapatan. Tan telah membahagikan sampel kepada beberapa kumpulan, iaitu petani padi, nelayan, penoreh getah, pekebun kecil kelapa, pekerja bergaji dan kumpulan pertengahan. Beliau mendapati peluang yang ada adalah bergantung kepada struktur pengeluaran dan pasaran. Kumpulan miskin terdiri daripada mereka yang terlibat dalam aktiviti pertanian secara kecil-kecilan, aktiviti keluarga bersaiz kecil dan menjadi buruh tidak mahir. Bagi Tan, hanya kumpulan yang mempunyai pendidikan yang ketiga atau *tertiary education* sahaja boleh menikmati mobiliti menegak. Majoriti daripada kumpulan ini termasuk dalam kategori berpendapatan tinggi. Hal ini membuktikan pendidikan merupakan faktor penting dalam menentukan pencapaian mobiliti menegak.

Malah mengikut Shireen (1998), kajian yang dilakukan pada tahun-tahun 1980-an untuk mengenal pasti kumpulan miskin dan faktor-faktor kemiskinan telah membuktikan ketepatan penemuan kajian yang dilakukan pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an. Sebagai contoh, kajian-kajian Anand (1983, 1981), Visania (1981) dan Mazumdar (1981) menyokong penemuan Fisk dan Salleh yang menyatakan kemiskinan dan pendidikan mempunyai hubungan yang positif. Dengan kata lain, semakin tinggi tingkat pendidikan yang dicapai, kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan sekali gus status sosioekonomi dapat ditingkatkan.

Kajian Ee Bee (2002) pula cuba melihat hubungan antara pendidikan dengan mobiliti sosial di kalangan anggota kaum Cina di Kampung Air Kuning Selatan, Negeri Sembilan. Beliau mendapati, majoriti anak responden yang dikaji tidak

mempunyai taraf pendidikan yang tinggi, iaitu hingga ke peringkat kolej atau universiti. Walau bagaimanapun, pendapatan yang diterima agak lumayan kerana terdapat setengah daripada anak mereka bekerja di luar negara seperti di Singapura, Jepun, Britain dan Amerika Syarikat. Jadi, walaupun mereka adalah pekerja kolar biru, tetapi kadar tukaran yang tinggi secara langsung meningkatkan pendapatan mereka.

Namun, kajian yang dilakukan oleh penulis di Felda Jempol, Negeri Sembilan cuba membuktikan bahawa pendidikan merupakan mekanisme penting yang dapat mewujudkan mobiliti sosial di kalangan generasi kedua Felda. Pemodenan sektor pertanian berjaya memperkasakan ekonomi para peneroka dan secara langsung dapat meningkatkan mobiliti sosial menegak di kalangan generasi kedua melalui peluang pendidikan.

PERKEMBANGAN FELDA

Peranan Felda adalah untuk menggalak dan membantu menyiasat, merancang dan melaksanakan projek pembangunan tanah dan petempatan di negara ini. Kini Felda bukan sahaja menjadi agen pembangunan tanah dan petempatan semula rakyat miskin, tetapi bertanggungjawab melahirkan anggota masyarakat yang produktif di samping menjaga kebajikan peneroka. Melalui rangkaian perniagaan yang diceburi, Felda telah menyalurkan keuntungan kepada peneroka menerusi Koperasi Permodalan Felda Bhd. Fokus Felda adalah terhadap tanaman pertanian dagangan atau berorientasikan eksport, iaitu getah dan kelapa sawit di samping tanaman-tanaman lain termasuk tebu, koko dan kopi. Setiap peneroka diberi satu lot tanah seluas 10 ekar (4.1 hektar) untuk tanaman komoditi. Pendapatan peneroka bergantung kepada keupayaan mereka mengeluarkan hasil dengan produktif. Sehingga kini terdapat 67.3 peratus peneroka di Semenanjung Malaysia mengusahakan tanaman kelapa sawit, manakala 32.7 peratus mengusahakan tanaman getah.

Sejak ditubuhkan pada Julai 1956, Felda telah berjaya menempatkan kira-kira 114,897 buah keluarga di 304 buah tanah rancangan di seluruh negara. Sejak itu, dianggarkan lebih 700,000 orang generasi kedua Felda telah dilahirkan. Daripada jumlah ini, menurut Presiden Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), sebahagian besar mereka telah berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) dan berjaya dalam bidang masing-masing. Malah, terdapat lebih 6,000 orang generasi ketiga dan keempat Felda kini sedang menuntut di IPT tempatan dan luar negara. Hal ini membuktikan keberkesanannya program Felda yang diperkenalkan sejak 45 tahun lalu dalam mengatasi masalah kemiskinan luar bandar (Felda 1999).

FELDA DAERAH JEMPOL, NEGERI SEMBILAN

Daerah Jempol adalah seluas 138569 hektar dengan jumlah penduduknya pada tahun 1998 seramai 122,033 orang. Di daerah ini terdapat 29 buah rancangan petempatan yang dibangunkan sejak tahun 1961 dengan jumlah keluarga sebanyak 10,685. Sebanyak 92.37 peratus peneroka terdiri daripada kaum Melayu, diikuti oleh kaum India 4.97 peratus dan Cina 2.66 peratus. Majoriti peneroka mengusahakan tanaman getah (34,464.2 hektar) berbanding kelapa sawit (12,055.4 hektar) dengan kluasan tanah sebanyak 45,316.1 hektar. Kawasan tanah rancangan ini menerima kemudahan asas yang cukup termasuk sekolah, klinik, bekalan air dan elektrik, telefon dan pejabat pos di samping jalan raya. Kerajaan telah membina sebanyak 21 buah sekolah rendah, 25 buah sekolah rendah agama, 9 buah sekolah menengah dan 29 buah tadika.

Dengan kluasan tanah sebanyak 10 ekar peneroka sebenarnya berada dalam keadaan yang selesa berbanding dengan sebelumnya. Namun, purata pendapatan mereka bergantung kepada harga kedua-dua komoditi tersebut. Pada tahun 2001, pendapatan purata peneroka sawit adalah RM919 dan peneroka getah pula adalah RM804. Apabila harga jatuh pada paras yang rendah, purata pendapatan sebulan bagi peneroka sawit adalah RM544 dan peneroka getah RM655. Keadaan ini menunjukkan para peneroka mampu melepassi pendapatan garis kemiskinan. Namun, jika dilihat dari segi pendapatan individu, ia berbeza mengikut faktor kesuburan tanah, jenis pokok, keupayaan dan kesihatan peneroka, usia, penjagaan dan pengurusan kebun, cuaca dan musim di samping harga komoditi itu sendiri.

Melalui aktiviti pertanian yang dilakukan, ternyata peneroka Daerah Jempol berjaya meningkatkan taraf hidup keluarga mereka di samping berpeluang mengembangkan kemahiran dalam bidang perniagaan, ternakan dan aktiviti pertanian yang lain. Terdapat 315 peneroka terlibat dalam perniagaan, 221 dalam bidang ternakan dan 39 dalam bidang akuakultur. Kepelbagaiannya aktiviti ekonomi dikalangan peneroka telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Daerah Jempol (Norlisuryati 2002). Perubahan taraf hidup ini sudah tentu juga secara langsung menggalakkan mobiliti sosial di kalangan generasi kedua Felda. Perbincangan mengenai aspek ini dibuat berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap 100 peneroka Felda di Daerah Jempol.

MOBILITI SOSIAL DI KALANGAN GENERASI KEDUA

Mobiliti sosial adalah perubahan kedudukan status sosioekonomi yang berlaku di kalangan anggota masyarakat hasil proses pembangunan ekonomi. Secara lebih khusus, mobiliti sosial melibatkan perubahan kedudukan dalam sistem susun lapis atau satu proses pergerakan individu dari satu strata ke strata yang lain. Perubahan tersebut boleh berbentuk ke atas atau ke bawah, iaitu penambahan atau pengurangan dalamkekayaan, kuasa dan prestij. Mobiliti sosial

secara mendatar adalah pergerakan seseorang individu dalam status yang sama. Manakala mobiliti sosial secara menegak melibatkan pergerakan dalam status yang berbeza. Mobiliti menegak boleh dilihat atau dikaji melalui mobiliti antara generasi (intergenerational) dan mobiliti dalam generasi itu sendiri (intragenerational).

Mobiliti sosial yang dialami oleh seseorang individu boleh memberi kesan positif dan negatif bergantung kepada bentuk mobiliti yang berlaku. Mobiliti menegak ke atas akan memberi kesan positif jika individu tersebut dapat menyesuaikan diri dengan kedudukan, persekitaran, nilai dan adat. Manakala mobiliti menegak ke bawah akan menimbulkan kesan negatif sekiranya individu yang mengalaminya mempunyai perasaan rendah diri, kecewa dan mungkin juga boleh menjerumuskan mereka ke arah gejala sosial yang negatif. Perbincangan hasil kajian ini adalah tertumpu kepada mobiliti antara generasi. Terdapat empat faktor yang mempengaruhi mobiliti sosial, iaitu pekerjaan, pendidikan, perkahwinan dan faktor individu (Rohana 1996). Untuk melihat mobiliti sosial di kalangan generasi kedua Felda, penulis lebih memfokus kepada faktor pendidikan.

HASIL KAJIAN

Kajian ini dilakukan terhadap 100 orang peneroka dan daripada jumlah yang ditemu bual ini, hanya 44 orang peneroka yang didapati mempunyai anak yang telah berhijrah keluar dan bekerja. Oleh itu, analisis mobiliti sosial dilakukan terhadap 91 orang anak peneroka yang telah berhijrah keluar mencari pekerjaan di pelbagai negeri. Seperti yang telah dinyatakan, pendidikan adalah salah satu faktor yang menentukan berlaku mobiliti menegak ke atas. Penulis mendapati lebih daripada 50.0 peratus daripada peneroka yang ditemu bual mempunyai pendidikan setakat sekolah rendah sahaja. Walau bagaimanapun, seperti yang tertera dalam Jadual 1, terdapat juga 29.0 peratus orang peneroka yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini adalah pencapaian tertinggi di kalangan peneroka yang ditemu bual.

JADUAL 1. Taraf pendidikan peneroka

Taraf pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak sekolah	4	4.0
Sekolah rendah/Agama	53	53.0
SRP	14	14.0
SPM	29	29.0
Jumlah	100	100.0

Sumber: Kaji selidik 2002

Jadual 2 menunjukkan taraf pendidikan yang diterima oleh anak-anak peneroka. Penyertaan peneroka dalam rancangan Felda telah berjaya mengubah status sosioekonomi keluarga. Selain daripada mampu menyediakan tempat tinggal yang selesa dan makanan yang mencukupi, anak-anak mereka telah diberi peluang untuk menerima pendidikan yang lebih baik berbanding dengan yang pernah mereka terima. Hal ini ternyata benar jika diperhatikan taraf pendidikan yang dicapai oleh golongan generasi kedua. Daripada Jadual 2 dapat diperhatikan bahawa lebih daripada 50.0 peratus anak peneroka mempunyai pendidikan SPM, manakala 13.9 peratus menerima pendidikan peringkat diploma dan 12.1 peratus lagi menerima pendidikan peringkat ijazah. Ini merupakan satu pencapaian yang terbaik dan sememangnya boleh dibanggakan. Walaupun terdapat juga anak peneroka yang menerima pendidikan setakat SRP sahaja dan seorang pada peringkat sekolah rendah, tetapi peratusannya tidak besar iaitu 12.0 peratus sahaja.

JADUAL 2. Taraf pendidikan generasi kedua

Taraf pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Rendah	1	1.0
SRP	10	11.0
SPM	53	58.0
STPM	4	4.0
Diploma	12	13.9
Ijazah	11	12.1
Jumlah	91	100.0

Sumber: Kaji selidik 2002

Dengan taraf pendidikan yang dimiliki, anak-anak peneroka terpaksa keluar dari kawasan Felda untuk mencari pekerjaan yang lebih terjamin. Keadaan ini berlaku kerana tidak banyak peluang pekerjaan yang wujud di Daerah Jempol. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di kawasan Felda yang dikaji, tetapi juga di kawasan-kawasan Felda yang lain. Majoriti anak peneroka mencari pekerjaan di Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Pemilihan ini dibuat mungkin disebabkan faktor jarak yang dekat dan peluang pekerjaan yang wujud (lihat Jadual 3). Daripada jumlah yang berhijrah keluar tersebut, didapati 33 terdiri daripada wanita, 58 lelaki dan 51.6 peratus adalah bujang dan selebihnya telah berkahwin. Majoriti generasi kedua yang ditemui bual berumur dalam lingkungan 18 hingga 33 tahun.

Taraf pendidikan yang dimiliki oleh seseorang akan menentukan bentuk mobiliti menegak yang dialami. Mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi mempunyai pilihan pekerjaan yang lebih banyak berbanding dengan mereka yang berpendidikan rendah. Dengan kata lain, mereka yang mempunyai

JADUAL 3. Lokasi tempat kerja generasi kedua

Lokasi	Bilangan	Peratus (%)
Negeri Sembilan	31	34.1
Kuala Lumpur	20	22.0
Selangor	13	14.3
Johor	11	12.0
Melaka	5	5.5
Singapura	3	3.3
Pahang	3	3.3
Perak	2	2.2
Pulau Pinang	2	2.2
Kedah	1	1.1
Jumlah	91	100.0

Sumber: Kaji selidik 2002

pendidikan yang tinggi lebih berpeluang mengalami mobiliti menegak ke atas. Jadual 4 menunjukkan jenis pekerjaan yang diceburi oleh generasi kedua.

Daripada Jadual 4 dapat diperhatikan bahawa generasi kedua menceburi pelbagai bidang pekerjaan berdasarkan kelulusan akademik masing-masing.

JADUAL 4. Jenis pekerjaan generasi kedua

Jenis pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Kiland	17	18.7
Berniaga	8	8.8
Tentera/Polis	5	5.5
Juruteknik	3	3.3
Jurutera	4	4.4
Pemandu lori	3	3.3
Bengkel	3	3.3
Suri rumah	4	4.4
Kerani	5	5.5
Doktor	2	2.2
Setiausaha	2	2.2
Kontraktor	4	4.4
<i>Supervisor</i>	3	3.3
Lain-lain	18	19.8
Tidak pasti	10	10.9
Jumlah	91	100.0

Sumber: Kaji selidik 2002

Terdapat tiga kategori yang boleh dibincangkan di sini, iaitu suri rumah, tidak pasti dan pekerjaan lain. Kajian mendapati 10.0 peratus telah memberi jawapan tidak pasti kepada soalan berkaitan jenis pekerjaan. Keadaan ini berlaku disebabkan semasa temu bual, soalan tentang pekerjaan generasi kedua telah dikemukakan kepada peneroka (responden) dan tidak ditanyakan kepada anak responden berkenaan. Apa yang berlaku, terdapat sesetengah peneroka yang tidak pasti dengan pekerjaan yang anak mereka lakukan.

Di samping itu, terdapat juga generasi kedua yang berhijrah kerana mengikut suami, jadi mereka hanya menjadi suri rumah sepenuh masa. Mengikut Rohana (1996), faktor perkahwinan boleh mengubah bentuk mobiliti menegak. Pada kebiasaannya, terdapat sesetengah wanita yang berhenti bekerja apabila mereka berkahwin. Walau bagaimanapun, dalam kes ini terdapat 4.4 peratus generasi kedua yang tidak bekerja sejak daripada awal. Ini menunjukkan tidak berlaku sebarang mobiliti sosial sama ada dalam generasi atau antara generasi. Bagi kategori pekerjaan lain, di antara pekerjaan yang diceburi termasuk sebagai jurujual, jururawat, perhotelan, pengawal keselamatan, akauntan, pengurusan, Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS), penyelia bangunan, pendawai (wireman), sistem koordinator, eksekutif program, di Petronas dan membaiki siling.

Analisis juga dilakukan untuk melihat hubungan di antara jenis pekerjaan yang diceburi dengan tahap pendidikan. Hasil kajian mendapati generasi kedua yang memiliki ijazah kebanyakannya bekerja di bank, menjadi doktor, jurutera, penyelia (supervisor), kapten kapal dan program eksekutif dengan pendapatan melebihi RM2000. Manakala mereka yang memiliki diploma bekerja sebagai juruteknik, penyelia, pentadbir, pegawai Petronas, akauntan dan sistem koordinator dengan pendapatan RM1500 ke atas. Bagi mereka yang mendapat pendidikan setakat STPM dan SPM, mereka melakukan pelbagai jenis pekerjaan sesuai dengan kelulusan. Di kalangan golongan ini, mereka yang menceburi bidang perniagaan didapati memperoleh pendapatan yang agak lumayan, iaitu melebihi RM1000 sebulan.

KESIMPULAN

Mobiliti sosial secara mendarat sudah dialami oleh generasi pertama Felda. Namun melalui masa, pendidikan menjadi faktor penting dalam menentukan bentuk mobiliti sosial yang dialami oleh generasi kedua. Kajian terhadap mobiliti sosial melalui mekanisme pendidikan membuktikan bahawa skim Felda telah berjaya mewujudkan mobiliti sosial ke atas di kalangan generasi kedua. Peluang pendidikan yang wujud di negara ini bersama dengan kesedaran para peneroka membolehkan generasi kedua membuat pilihan yang lebih luas. Ini terbukti apabila sebahagian besar daripada mereka berjaya memiliki pekerjaan sesuai dengan tahap pendidikan yang dimiliki. Bagi mereka yang memiliki pendidikan setakat SPM, pilihan agak terhad berbanding mereka yang memiliki diploma dan ijazah.

Kejayaan yang dicapai membolehkan mereka membantu keluarga dalam bentuk bayaran pindahan. Kajian juga mendapati generasi kedua lebih suka mencari peluang pekerjaan yang berdekatan dengan tempat lahir mereka. Oleh itu, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor merupakan di antara negeri yang menjadi tumpuan. Walaupun hanya 26.0 peratus orang generasi kedua yang dikaji mempunyai tahap pendidikan diploma dan ijazah, namun peratusan ini agak membanggakan sungguhpun masih boleh dipertingkatkan.

Laporan oleh akhbar-akhbar tempatan tentang kegagalan anak peneroka pada peringkat UPSR dan PMR menunjukkan masih ramai anak peneroka yang tercicir dalam pendidikan. Di samping itu, masalah sosial di kalangan remaja Felda juga menjadi isu yang semakin mencabar. Sekiranya masalah pendidikan dan sosial tidak diatasi, generasi kedua dan ketiga Felda tidak akan melalui perubahan dari segi status. Keadaan akan menjadi lebih buruk sekiranya wujud mobiliti antara generasi yang berbentuk menegak ke bawah. Kajian Indrani (2002) di Felda Palong Dua, Gemas, Negeri Sembilan menunjukkan masalah sosial semakin meningkat apabila berlaku kejatuhan harga getah dan kelapa sawit. Penagihan dadah, budaya lepak, lumba haram, minum arak dan berjudi dikatakan semakin menular di kalangan generasi kedua di Felda tersebut. Masalah ini akan dapat dikawal sekiranya generasi kedua mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.

Usaha yang dilakukan oleh GWGF untuk membimbing generasi ketiga dan generasi seterusnya agar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi adalah satu langkah yang bijak. Penerapan tentang kepentingan pendidikan di kalangan generasi muda Felda secara tidak langsung dapat menyekat gejala sosial yang dikatakan semakin serius berlaku di kawasan penempatan Felda. Malah, pihak Felda menjadikan kecemerlangan pendidikan sebagai salah satu bidang yang diberi tumpuan dalam pembangunan peneroka. Pendidikan anak-anak peneroka terus diberi tumpuan khas khususnya anak-anak yang masih bersekolah (Felda 1999).

Rancangan kerajaan untuk mewujudkan Felda Jaya juga adalah baik bagi menjamin anak-anak peneroka tidak berhijrah keluar. Penubuhan kawasan ini membabitkan gabungan kawasan Felda sebagai model pembangunan masyarakat peneroka. Mengikut Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam, usaha ini akan dimulakan pada awal 2003 bermula di Perak, Terengganu dan Negeri Sembilan sebelum diperluaskan ke kawasan Felda di negeri-negeri lain. Sehubungan itu, usaha awal akan membabitkan Gugusan Felda Trolak Utara di Perak bagi zon utara, Serting di Negeri Sembilan bagi zon selatan dan Mempaga di Terengganu bagi zon timur. Matlamat utama projek Felda Jaya adalah untuk memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada generasi kedua Felda. Kawasan Felda Jaya akan diperluaskan daripada permulaan 40 hektar sehingga mencapai 400 hektar bagi dibangunkan dengan kemudahan sekolah, pejabat, premis perniagaan dan kompleks pentadbiran kerajaan.

Kajian ini juga mendapati walaupun sudah ramai anak peneroka yang berpendidikan tinggi, namun terdapat sebilangan daripada mereka agak kurang

bernasib baik disebabkan oleh pelbagai faktor. Golongan ini tidak berjaya mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam bidang pendidikan. Dalam keadaan kos pendidikan yang semakin meningkat dan persaingan dalam memenuhi tuntutan globalisasi, setiap individu terpaksa berusaha mencari peluang pendidikan yang terbaik demi jaminan hidup di masa depan yang kian mencabar.

RUJUKAN

- Betts, J. R. 1998. The Impact of Educational Standards on the Level and Distribution of Earning. *The American Economic Review* 88(1), March: 266-75.
- Ee Bee Chuan. 2002. Peranan Pendidikan ke Arah Mobiliti ke Atas: Kajian Kes di Kampung Air Kuning Selatan, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E.
- Felda. 1999. *Laporan Tahunan 1999*. Kuala Lumpur: Penerbitan Felda.
- Hirschman, C. 1976. The Determinants of Ethnic Inequality in Peninsular Malaysia. *UMBC Economic Review* 12(1): 25-38.
- Indrani a/p Letchumanie. 2002. Generasi Kedua Masyarakat Felda: Satu Kajian Sosioekonomi di Felda Palong Dua, Gemas, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E.
- Lim Lim Lean. 1971. *Some Aspects of Income Differential in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Aini Haji Idris. 1999. Isu Gender dalam Konteks Pembangunan Insan: Ke Arah Satu Penyelesaian. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Ekonomi Pembangunan di Alaf Baru: Cabaran dan Tujuan. Anjuran Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 16-17 Julai, Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Norlisuryati Ramli. 2002. Kepentingan Peranan Felda dalam Membangunkan Kawasan Luar Bandar: Kajian Kes Felda Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E.
- Rohana Yusof. 1996. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shireen Mardziah Hashim. 1998. *Income Inequality in Malaysia*. Rowman & Littlefield Publisher Inc.
- Sourushe Zandvakili. 1999. Income Inequality Among Female Heads of Households: Racial Inequality Reconsidered. *Economica* 66: 119-33.
- Tan Tat Wai. 1982. *Income Distribution in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Nor Aini Haji Idris
Jabatan Ekonomi Pembangunan
Fakulti Ekonomi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
e-mail: noraini@pkrcsc.cc.ukm.my